

Pelihara kesefahaman antara kaum – Abdullah

UM - 30/4/2007

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 29 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan generasi hari ini dan akan datang supaya sentiasa memelihara kesepaduan dan kesefahaman antara kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, jika perpaduan yang terjalin erat selama ini tidak dipelihara maka ia akan membawa kepada kemusnahan negara.

“Jika ia terjadi, maka adalah sukar untuk kita memulihkannya kembali,” kata beliau ketika menzahirkan ikrar taat setia Perdana Menteri di Mallis Jamuan Negara sempena Pertabaran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-13.

Turut hadir, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Tun Dr. Mahathir Mo-

hamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; para menteri Kabinet serta duta-duta asing.

Abdullah menegaskan, kerajaan tidak akan sesekali berkompromi dalam usaha menjaga keharmonian yang sedia ada.

Beliau berkata, ia merupakan satu tanggungjawab berat kerajaan untuk memelihara dan menggalas perpaduan demi menjaga keharmonian.

“Perpaduan kaum dan kepelbagaian budaya di negara ini bukanlah satu halangan tetapi adalah tunjang kekuatan negara,” kata beliau.

Bagaimanapun katanya, keharmonian yang dikecapi hari ini tidak akan tercapai tanpa usaha yang jitu dan gigih daripada semua pihak.

Katanya, persefahaman dan perpaduan antara kaum adalah elemen penting yang menjadi resipi kejayaan negara.

“Kerjasama antara kaum telah mencorak kelahiran Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat,” jelas beliau.